



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	3 October 2015

BH - 3/10/2015

PM guna pentas PBB kutuk kezaliman Israel

» *Najib gesa cari penyelesaian muktamad henti ketidakadilan terhadap Palestin*

Daripada Kadir Dikoh
bhnews@bh.com.my

▀ **New York**

Datuk Seri Najib Razak menggunakan pentas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengutuk kezaliman Tel Aviv di wilayah yang diduduki dan menggesa penyelesaian muktamad dicapai bagi mengakhiri ketidakadilan terhadap rakyat Palestin.

Katanya, Israel terlepas daripada hukuman dan ketiadaan peri kemanusiaan ke atas rakyat Palestin sejak berdekad lamanya hingga membawa kepada peningkatan keganasan, penempatan haram dan pencabulan hak asasi.

"Kekecewaan dan kemarahan yang ditanggung rakyat Palestin turut dirasai umat Islam di seluruh dunia. Jika dunia terus menutup sebelah mata terhadap penderitaan mereka, maka kita berkemungkinan berdepan satu

lagi malapetaka di Wilayah Diduduki Palestin.

Penentuan nasib sendiri

"Kita juga akan gagal mempertahankan hak penentuan nasib sendiri, yang menjadi asas PBB ketika pembentukannya 70 tahun lalu," katanya ketika perbincangan dalam sesi ke-70 Perhimpunan Agung PBB (UNGA), di sini tengah malam kelmarin waktu Malaysia.

Beliau adalah pemimpin ke-12 yang berucap daripada lebih 160 pemimpin dunia yang menghadiri UNGA kali ini, bertemakan

“**Israel terlepas daripada hukuman dan ketiadaan peri kemanusiaan ke atas rakyat Palestin sejak berdekad lamanya hingga membawa kepada peningkatan keganasan, penempatan haram dan pencabulan hak asasi**”

Najib Razak,
Perdana Menteri

PBB pada Usia 70 Tahun: Lualan Ke Hadapan Ke Arah Keamanan, Keselamatan dan Hak Asasi Manusia.

Najib juga membawa mesej kepada umat sejagat dan yang bukan Islam bahawa kumpulan Negara Islam (IS) mesti disekat kerana ideologi songsang.

Perdana Menteri berkata, dunia mesti memeranginya dengan menjelaskan mengapa cara IS tidak Islam, mengapa tindakan mereka kejam, tidak boleh diterima teologi agama dan mempersendakan Islam 'yang menuntut kita supaya berilmu, memiliki belas kasihan dan merendah diri'.

Umat Islam perlu bangkit

"Kita perlu menyebarkan mesej ini, kepada umat Islam dan bukan Islam. Saya memohon kepada seluruh umat Islam untuk bangkit bersama satu suara dan biarkan dunia bergema apabila kita katakan kepada IS - "Anda tidak mewakili kami,"

Najib berkata, Kerajaan Malaysia membentuk badan biasiswa penting dengan mengumpul sekumpulan sarjana Sunni dan Syiah yang mewakili keratan rentas komuniti Islam global untuk dihipunkan di Kuala Lumpur.

Misi mereka adalah untuk mentakrifkan sebuah Negara Islam berdasarkan pemikiran Islam sepanjang 14 abad yang lalu.